

Kesan Persepsi Undang-Undang dan Penguatkuasaan Zakat terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji

Kamil Md. Idris*

Fakulti Perakaunan, Universiti Utara Malaysia

*Corresponding author; email: kamil@uum.edu.my

ABSTRAK

Undang-undang dan penguatkuasaan zakat merupakan suatu instrumen yang digunakan bagi memastikan kutipan zakat. Kutipan zakat pula bergantung kepada gelagat kepatuhan zakat di kalangan anggota masyarakat Islam. Bagaimanapun, tidak ada keterangan empirikal yang menunjukkan kedudukan serta kesan persepsi undang-undang dan penguatkuasaan zakat terhadap gelagat kepatuhan, khususnya masyarakat pekerja Islam yang layak mengeluarkan zakat pendapatan gaji. Justeru itu, kajian ini adalah bertujuan untuk menyelidik kedudukan persepsi anggota masyarakat pekerja Islam terhadap undang-undang zakat serta penguatkuasaannya. Kajian ini tertumpu di negeri Kedah, iaitu negeri yang telah lama mewartakan zakat pendapatan gaji sebagai wajib (sejak 1986). Hasil kajian menunjukkan bahawa anggota masyarakat mempunyai persepsi yang negatif terhadap undang-undang dan penguatkuasaan zakat pendapatan gaji. Bagaimanapun persepsi anggota masyarakat pekerja didapati mempengaruhi gelagat kepatuhan zakat. Ini menunjukkan, walaupun undang-undang zakat merupakan suatu instrumen yang mempengaruhi kepatuhan zakat, namun jika sebahagian besar daripada orang ramai mempunyai persepsi yang negatif terhadap undang-undang tersebut maka prestasi kutipan zakat akan terjejas.

Katakunci: *undang-undang zakat, penguatkuasaan, kutipan zakat, gelagat kepatuhan, pendapatan gaji*

The Impact of Perception of Zakat Law and Enforcement towards the Obedient Behaviour of Zakat on Income

ABSTRACT

Zakat law and enforcement are instruments used to ensure the collection of zakat. The collection of zakat depends on the obedient behavior amongst the Muslim community. However, there are no empirical explanations that show the situation and the impact of zakat law and its enforcement on the obedient behavior, especially the Muslim workers who are eligible to pay zakat on their salary income. Hence, this study aims at investigating the perception amongst the Muslim workers towards the zakat law and its enforcement. The study was focused in Kedah, a state that has for long gazetted zakat on salary income as compulsory (since 1986). Findings of this study showed that the community has negative perception towards the zakat law and its enforcement on salary income. However, the perception of the workers community influences the obedient behavior towards zakat. This shows that zakat law is an instrument that influences the obedience towards zakat, but if a large proportion of the community has negative perception towards the zakat law this would affect the performance of zakat collection.

Keywords: *zakat law, enforcement, zakat collection, obedient behavior, salary income*

PENDAHULUAN

Kajian menunjukkan bahawa faktor yang mempengaruhi kutipan bagi sesebuah agen ekonomi adalah bergantung kepada dua aspek utama, iaitu pentadbiran dan pengurusan agen ekonomi dan gelagat kepatuhan anggota masyarakat. Bagaimanapun, sebelum sesuatu kutipan boleh dilaksanakan, suatu

undang-undang yang jelas dan komprehensif perlu dibentuk dan dikuatkuasakan. Undang-undang tersebut perlu difahami oleh semua lapisan masyarakat. Dalam kes zakat di Malaysia, institusi zakat (baitulmal) merupakan salah sebuah agen ekonomi. Fatwa serta Undang-undang Pentadbiran Islam Negeri merupakan instrumen yang digunakan bagi tujuan kutipan zakat.

Fatwa mengenai zakat ke atas pendapatan gaji telah lama diputuskan sebagai wajib oleh pihak berkuasa di kebanyakan negeri di Malaysia. Fatwa ini, bagi sesetengah negeri, telah dimaktubkan dan diwartakan sebagai sah di segi undang-undang sejak sepuluh tahun yang lalu. Negeri Kedah umpamanya, telah mewartakan fatwa tersebut pada 19hb. April 1986 dengan menggunakan warta kerajaan 146 (Mujaini Tarimin, 1995). Walaupun secara keseluruhan, kutipan zakat meningkat tahun demi tahun, namun laporan menunjukkan bahawa kutipan zakat daripada pendapatan gaji berada di aras yang rendah.

Ini menandakan bahawa ramai pekerja Islam yang layak zakat, tidak menunaikan tanggungjawab. Sebagai contoh, Jadual 1 menunjukkan kedudukan bilangan pekerja Islam di sektor kerajaan pusat yang membayar zakat pendapatan gaji mengikut negeri atau wilayah.

Masalah mengenai undang-undang dan penguatkuasaan zakat telah banyak dinyatakan oleh beberapa penyelidik. Bagaimanapun, terdapat kekurangan keterangan secara empirikal dalam literatur zakat yang menyentuh tentang perkara tersebut. Oleh itu, makalah ini menawarkan hasil kajian mengenai perkara yang berkaitan dengan undang-undang dan penguatkuasaan zakat ke atas pendapatan gaji. Kertas ini akan membincang secara deskriptif tentang kedudukan undang-undang dan penguatkuasaan zakat. Di samping itu, pemboleh ubah persepsi terhadap undang-undang zakat (PETUZ) dan persepsi terhadap penguatkuasaan zakat (KUSA) diuji bagi melihat perkaitannya dengan gelagat kepatuhan zakat.

Jadual 1
Perbandingan Bilangan Pembayar Zakat Gaji Dengan Pembayar Cukai Kakitangan Kerajaan Persekutuan Mengikut Negeri di Semenanjung Malaysia

Negeri	Bilangan Pembayar Zakat Gaji (A)	Bilangan Pembayar Cukai – Kakitangan Kerajaan Persekutuan (B)	Peratusan (%) A ke atas B
Kedah	5,673	11,692	49
Perlis	769	7,885	10
Melaka	5,736	NA	NA
Kelantan	6,092	8,572	71
Pahang	9,925	NA	NA
Pulau Pinang	18,552 ^a	50,000 ^a	37
Terengganu	NA	6,062	NA
Wilayah Persekutuan	28,178 ^b	45,000 ^b	63

Sumber: Surat rasmi Jabatan Akauntan Negara dan Baitulmal Negeri-negeri berkenaan.

a. Fakta Pulau Pinang diperoleh daripada akhbar (Utusan Malaysia, 15 Sept. 2000).

b. Bagi Wilayah Persekutuan, fakta adalah daripada Laporan Kajian Baitulmal tersebut.

Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang perbandingan adalah menyeluruh, iaitu sektor awam dan swasta. Bagi Melaka, Pahang, dan Terengganu, tiada maklum balas diterima daripada salah satu pihak berkenaan. Sementara lain-lain negeri seperti Perak, Selangor, Negeri Sembilan, dan Johor, tiada maklumat langsung diterima daripada pihak-pihak berkenaan.

SOALAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Sesuatu undang-undang atau penguatkuasaan bukan saja perlu mempunyai ciri-ciri adil, saksama dan komprehensif, tetapi ia juga perlu dipandang sebagai memenuhi ciri-ciri tersebut. Dalam hal zakat gaji persoalan timbul sama ada undang-undang dan penguatkuasaan dipandang sebagai mempunyai ciri-ciri berkenaan. Sejauh mana pandangan tersebut memberi kesan kepada kepatuhan zakat, masih lagi menjadi

tanda tanya. Justeru itu, kajian ini memberi fokus kepada soalan berikut:

1. Apakah kedudukan persepsi anggota masyarakat pekerja Islam mengenai undang-undang dan penguatkuasaan zakat pendapatan gaji?
2. Bagaimanakah persepsi di atas dapat mempengaruhi gelagat kepatuhan zakat?

Bagi menjawab soalan-soalan di atas dua objektif berikut perlu dicapai, iaitu:

1. Mengenal pasti kedudukan persepsi anggota masyarakat pekerja Islam mengenai undang-undang dan penguatkuasaan zakat pendapatan gaji.
2. Mengenal pasti hubungan di antara persepsi anggota masyarakat pekerja Islam mengenai undang-undang dan penguatkuasaan zakat dengan gelagat kepatuhan.

SOROTAN LITERATUR

Undang-undang zakat

Undang-undang zakat bagi setiap negeri di Malaysia, kecuali Kedah dan Sabah, adalah tertakluk kepada Enakmen Negeri masing-masing. Negeri Kedah dan Sabah, mempunyai undang-undang zakat tersendiri yang tidak tertakluk di bawah Enakmen Negeri (Mohd. Daud Bakar, 1998). Dengan berlandaskan undang-undang tersebut setiap negeri mewujudkan peraturan dan peraturan kecil bagi mentadbir kutipan dan agihan wang zakat. Undang-undang dan peraturan zakat kebiasaannya merangkumi proses kutipan dan agihan wang zakat termasuk taksiran, bayaran, rayuan, kesalahan dan denda. Selain daripada undang-undang dan peraturan di setiap negeri, terdapat pula Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang memainkan peranan dalam isu mengenai zakat. JAKIM kebiasaannya bertindak sebagai penyelaras kepada semua negeri dan wilayah dalam pelbagai aspek agama.

Bagi melihat kerelevanan undang-undang zakat dalam mempengaruhi anggota masyarakat untuk mematuhi pembayaran zakat, kajian ini menggunakan Enakmen Zakat Tahun 1374 (1955) negeri Kedah sebagai bahan kajian. Kuasa pengurusan zakat bagi negeri Kedah diwartakan dalam Enakmen ini.

TEORI BERKAITAN DAN KAJIAN TERDAHULU

Undang-undang dan peraturan kebiasaannya diwujudkan sebagai instrumen untuk mengawal dan memantau aktiviti dalam sesebuah masyarakat. Instrumen berkenaan lazimnya akan menggariskan kuasa yang diberi kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan kepada sesiapa yang melanggar undang-undang (Mohd. Ali, 1989). Bagaimanapun, sesuatu undang-undang itu haruslah berbentuk komprehensif dan muktamad supaya anggota masyarakat dapat mematuhi. Inilah yang selalu diterangkan dalam teori “*Natural Law*”. Teori “*Natural Law*” banyak membicarakan perihal moral dan perlakuan manusia yang harus bergelagat menurut keadaan rasional asalnya (*rational nature*) (Aquinas, 1988). Justeru, menurut Fuller (1965), fungsi asas sesuatu undang-undang adalah untuk mencapai suatu keadaan sosial “*social order*” dengan cara mengarah orang ramai tunduk kepada pelaksanaan panduan peraturan am yang akhirnya akan membentuk gelagat mereka. Konsep undang-undang Fuller (1965) menegaskan bahawa sesuatu undang-undang itu tidak dianggap sebagai undang-undang, kecuali ia dapat dilaksanakan sebagai undang-undang yang berfungsi dalam membentuk gelagat tertentu. Oleh yang demikian, bagi membolehkan ia berupaya berfungsi, sistem perundangan itu harus memenuhi lapan prinsip, iaitu (1)

undang-undang mesti diungkap dalam terma am; (2) undang-undang mesti diwartakan kepada awam; (3) undang-undang mesti mendatangkan kesan yang prospektif; (4) undang-undang mesti diungkap dalam terma yang boleh difahami; (5) undang-undang mesti konsisten antara satu sama lain; (6) undang-undang mesti tidak meminta suatu pelaksanaan yang tidak munasabah daripada mereka yang terbabit; (7) undang-undang mesti tidak boleh diubah terlalu kerap sehingga yang terbabit tidak dapat bergantung kepadanya; dan (8) undang-undang mesti ditadbirkan secara konsisten dengan perkataan yang telah ditetapkan di dalamnya.

Dalam literatur sosiologi, perspektif instrumental mengandaikan bahawa individu adalah lebih tertumpu kepada kepentingan diri dan mula menunjukkan reaksi perubahan terhadap sesuatu yang zahir, insentif yang segera, atau sesuatu penalti yang bersangkutan dengan kelakuan (Tyler, 1990). Oleh itu, jika undang-undang dan penguatkuasaan dianggap sebagai mempunyai tindakan yang tegas dan penalti yang berat, maka kepatuhan dapat diperbaiki. Teori ini lebih dikenali dalam bidang percukaian sebagai teori cegahan (*deterrence theory*).

Satu lagi perspektif dalam sosiologi ialah perspektif normatif. Perspektif ini menekankan bahawa persepsi individu juga menimbangkan persoalan saksama dan moral yang dikatakan lebih penting daripada kepentingan diri. Individu akan mematuhi sesuatu undang-undang selagi ia menganggap undang-undang itu sesuai dan konsisten dengan nilai-nilai norma dalamannya. Oleh itu, penentu kepada kepatuhan adalah persepsi terhadap kesaksamaan dan kesesuaian undang-undang dan institusi berkenaan. Dalam bidang percukaian perspektif normatif lebih dikenali sebagai teori ekuiti (*equity theory*).

Banyak kajian telah melaporkan bahawa persepsi terhadap undang-undang dan penguatkuasaan mempengaruhi gelagat kepatuhan. Allingham dan Sandmo (1972), umpamanya, menegaskan jika mereka yang lari cukai dapat dikenalpasti dan penalti yang dikenakan adalah berat, maka aras kepatuhan akan bertambah baik. Begitu juga keadaan di mana jika pengauditan dilakukan secara berterusan, maka ramai orang akan patuh (Friedland, Maital, dan Rutenberg, 1978). Dalam kes lain pula, kajian secara eksperimen menunjukkan bahawa kewujudan kebarangkalian audit merupakan suatu kaedah cegahan yang lebih efektif kepada mereka yang pernah diaudit berbanding dengan mereka yang tidak pernah diaudit (Spicer dan Hero, 1985; Webley, 1987). Laporan kajian lain juga mendapati bahawa persepsi undang-undang dan penguatkuasaan juga berkait dengan gelagat kepatuhan.

METODOLOGI KAJIAN

Sampel dan kutipan data

Unit analisis kajian ini ialah individu pekerja Islam di jabatan kerajaan pusat yang berkhidmat di negeri Kedah dan tertakluk kepada potongan cukai berjadual (PCB). Jabatan kerajaan adalah di antara organisasi yang pertama mendapat maklumat tentang warta kerajaan apabila ia diwartakan. Pekerja yang tertakluk kepada cukai berjadual adalah secara automatik layak mengeluarkan zakat gaji kerana mereka adalah golongan yang mempunyai pendapatan yang melebihi nisab, iaitu sekitar RM3,000. Potongan cukai berjadual pula dibuat apabila seseorang itu memperoleh pendapatan gaji tahunan melebihi sekitar RM15,000. Justeru itu, mereka yang layak dicukai juga layak dizakat.

Terdapat 11,400 pekerja Islam yang disenaraikan dalam PCB kakitangan kerajaan persekutuan pada 30hb. Jun 2000. Suatu sampel sebanyak 700 responden diambil, dengan menggunakan kaedah persampelan sistematik, daripada senarai tersebut. Oleh kerana nama berserta alamat dalam senarai tersebut tercatat secara rawak, maka persampelan sistematik dikira munasabah. Dalam proses pemilihan, nama berserta alamat dipilih pada setiap kiraan keenambelas ($11400/700=16$) mulai dengan nama yang keenam belas kemudian ketiga puluh dua, dan seterusnya.

Soal selidik bersama sampul surat kosong beralamat penyelidik serta berselem di diposkan kepada semua responden yang terpilih. Kaedah tinjauan ini dianggap sesuai kerana ia boleh memuatkan banyak pemboleh ubah sosio-ekonomi, demografi dan sikap (Andreoni *et al.*, 1998). Selepas sebulan sebanyak 383 responden mengembalikan soal selidik termasuk soal selidik yang tidak dijawab, iaitu 26 responden. Sebanyak 353 soal selidik yang boleh digunakan untuk tujuan analisis. Bilangan ini menandakan kadar pulangan sebanyak 50% dan hampir kepada bilangan yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (seperti dalam nukilan Sekaran, 2000). Bagaimanapun, saiz sampel tersebut melebihi bilangan yang dicadangkan oleh Coakes dan Steed (1999) dan Roscoe (seperti dalam nukilan Sekaran, 2000). Menurut Coakes dan Steed (1999), bilangan sampel yang mencukupi untuk tujuan analisis faktor dan regresi ialah 20 kali ganda daripada bilangan pemboleh ubah bebas yang diuji. Sementara itu, pertunjuk wajar (*rule of thumb*) Roscoe pula mencadangkan sepuluh kali ganda daripada bilangan pembolehubah bebas yang diuji (seperti dalam nukilan Sekaran, 2000).

Instrumen tinjauan

Pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini ialah bayaran zakat gaji yang diukur secara dikotomis, iaitu mereka yang bayar akan diberi kod 1, manakala mereka yang tidak membayar diberi kod 0. Mereka yang membayar zakat gaji kepada pihak berkuasa zakat secara resmi, dianggap sebagai patuh. Terdapat lapan soalan dikemukakan bagi menentukan seseorang itu pembayar zakat gaji atau sebaliknya. Jawapan bagi kesemua soalan berkenaan perlu konsisten antara satu sama lain, sebelum seseorang itu disahkan sebagai pembayar zakat gaji. Prosedur pengesahan ini dilaksanakan memandangkan persoalan bayaran zakat merupakan suatu soalan yang “*desirable*” yang boleh membawa responden ke arah “*bias*” ketika menjawab soalan.

Setiap soal selidik mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan pemboleh ubah yang dipercayai mempengaruhi gelagat kepatuhan. Ini termasuk dua konstruk yang mengukur pemboleh ubah persepsi terhadap undang-undang dan penguatkuasaan zakat gaji seperti yang difokuskan oleh kertas ini. Bagi pemboleh ubah persepsi terhadap undang-undang, konstruknya mengandungi dua kenyataan positif dan tiga kenyataan negatif. Sebagai contoh, kenyataan positif ialah “Undang-undang dan peraturan zakat di negeri Kedah mengenai zakat gaji adalah mencukupi,” manakala kenyataan negatif pula ialah “Undang-undang dan peraturan zakat di negeri Kedah mengenai zakat gaji tidak jelas.” Pemboleh ubah KUSA pula diukur dengan menggunakan tiga kenyataan positif dan dua kenyataan negatif. Contoh kenyataan positif ialah “Penguatkuasa zakat selalu dapat mengesan mereka yang tidak membayar zakat gaji,” dan kenyataan negatif pula ialah “Mereka yang gagal membayar zakat gaji tidak didakwa di mahkamah.”

Setiap kenyataan di atas disertakan dengan skel Likert 5 mata. Skel ini mengukur magnitud jawapan responden, iaitu dari nilai 1 untuk jawapan “sangat tidak setuju” hingga nilai 5 bagi jawapan “sangat setuju.” Bagaimanapun, bagi kenyataan yang negatif nilainya adalah terbalik, iaitu 1 mata jika “sangat setuju” hingga 5 mata jika “sangat tidak setuju.”

Suatu tinjauan rintis dilakukan bagi menguji kebolehpercayaan dan kesahihan instrumen kajian. Soal selidik dihantar kepada kumpulan pekerja yang bertaburan di sekitar Alor setar. Sebanyak 63 responden menjawab soal selidik. Selepas diuji satu kenyataan, iaitu kenyataan mengenai persepsi terhadap penguatkuasaan, telah digugurkan daripada konstruk persepsi terhadap penguatkuasaan. Ia terpaksa digugurkan kerana tidak melepasi ujian yang tersebut di atas.

ANALISIS KAJIAN

Kedua-dua konstruk yang tersebut di atas diuji dalam analisis regresi logistik multivariat bersama-sama dengan lain-lain pemboleh ubah. Model yang diuji ialah seperti berikut:

$$\text{Logit}(P=1) = \alpha + \beta_1 X_1 + \beta_2 X_2 + \beta_3 X_3 + \beta_4 X_4 + \beta_5 X_5 + \beta_6 X_6 + \beta_7 X_7 + \beta_8 X_8 + \beta_9 X_9 + \beta_{10} X_{10} \\ + \beta_{11} X_{11} + \beta_{12} A_1 + \beta_{13} A_2 + \beta_{14} A_3 + \beta_{15} A_4 + \beta_{16} A_5$$

di mana,

$$\text{Logit}(P) = \log \left(\frac{P}{1 - P} \right)$$

- P = bayaran (kod—"1" jika bayar dan "0" jika tidak bayar)
X₁ = Jantina
X₂ = Umur
X₃ = Bilangan tanggungan
X₄ = Gaji bulanan
X₅ = Persepsi terhadap undang-undang zakat (PETUZ)
X₆ = Persepsi terhadap penguatkuasaan zakat (KUSA)
X₇ = Persepsi terhadap kesaksamaan agihan zakat
X₈ = Persepsi terhadap kualiti perkhidmatan
X₉ = Pendedahan kepada promosi
X₁₀ = Indeks keagamaan
X₁₁ = Pengetahuan zakat gaji
A₁- A₅ = Komponen sikap terhadap zakat gaji

Bagi menguji model logistik di atas kaedah Hosmer dan Lemeshaw (1989) (seperti dalam nukilan Menard, 1995) digunakan. Kaedah ini menentukan sama ada pemboleh ubah bebas boleh membuat ramalan ke atas pemboleh ubah bersandar yang diukur dalam bentuk dikotomus. Koefisien yang diperoleh daripada analisis ini menunjukkan kekuatan dan arah hubungan di antara pemboleh ubah.

Kebolehpercayaan dan kesahihan instrumen

Kebolehpercayaan instrumen dalam kajian ini dinilai berdasarkan keputusan yang diperoleh daripada ujian kebolehpercayaan dengan menggunakan kaedah konsistensi dalaman (*internal consistency*). Kesahihan pula ditentukan oleh keputusan ujian kesahihan kandungan (*content validity*) dan kesahihan konstruk (*construct validity*). Analisis faktor digunakan untuk menentukan kesahihan konstruk.

Keputusan

Nilai Cronbach alpha 0.72 dan 0.71 diperoleh daripada keputusan ujian kebolehpercayaan terhadap pemboleh ubah PETUZ dan KUSA. Keputusan tersebut adalah munasabah (Nunnally, 1978; Churchill, 1979). Matriks data bagi setiap konstruk menunjukkan nilai KMO melebihi 0.70 dan ujian kesferaan *Bartlett's* (sig=0.000) menunjukkan keputusan yang signifikan. Analisis faktor juga menerbit satu factor (*unifactor*) saja dengan nilai "*factor loadings*" bagi setiap item dalam kedua-dua pemboleh ubah tersebut melebihi 0.30. Kesemua keputusan tersebut menandakan bahawa instrumen yang digunakan dalam kajian ini mempunyai tahap kebolehpercayaan dan kesahihan yang baik dan munasabah.

Responden dalam kajian terdiri daripada 43% lelaki dan 57% perempuan. Purata umur responden ialah 42 tahun. Bilangan responden yang membayar zakat gaji ialah 123 orang (35%). Selebihnya gagal membayar zakat kepada pihak berkuasa zakat. Jadual 1 menunjukkan statistik deskriptif mengenai PETUZ dan KUSA. Purata skor masing-masing ialah 12.86 dan 6.5 dengan sisihan piawai 4.19 dan 2.81. Purata skor PETUZ berada di tahap yang rendah menunjukkan masyarakat pekerja Islam berpendapat bahawa undang-undang zakat masih berada di tahap lemah. Begitu juga dengan purata KUSA yang mempunyai purata skor persepsi yang sangat rendah. Ini menandakan bahawa penguatkuasaan zakat juga dipandang sebagai tidak dilaksanakan atau tidak dibuat langsung.

Jadual 2
Statistik Deskriptif

	N	Purata	Sisihan Piawai	Min.	Maks.
PETUZ	353	12.86	4.19	5	25
KUSA	353	6.50	2.81	4	15

Skil 1=Sangat tidak setuju hingga 5=Sangat setuju

Jadual 3
Analisis Regresi Logistik Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji (N=348)

Jadual Klasifikasi		Diramalkan		Peratusan Betul
Pemerhatian		Bayaran		
Langkah	Bayaran	Ya	Tidak	
1	Ya	206	23	90.0
	Tidak	34	82	70.7
Overall Percentage				83.5

a Konstan termasuk dalam model. B Nilai batasan .500

Pemboleh Ubah Dalam Persamaan

	Koefisien	/ B	Sisihan	Wald	dk	Sig.	Exp(B)
X ₁	β _{1/-}	.012	.342	.001	1	.973	.988
X ₂	B _{2/+}	.031	.029	1.142	1	.285	1.031
X ₃	B _{3/-}	.014	.076	.031	1	.859	1.014
X ₄	B _{4/+}	.00012	.00025	.215	1	.643	1.000
X ₅	B _{5/+}	.243	.049	24.151	1	.000**	1.275
X ₆	B _{6/+}	-.013	.062	.045	1	.831	.987
X ₇	B _{7/+}	-.044	.048	.839	1	.360	.957
X ₈	β _{8/+}	.043	.018	5.794	1	.016*	1.044
X ₉	B _{9/+}	.147	.035	17.980	1	.000**	1.158
X ₁₀	β _{10/+}	-.051	.025	3.992	1	.046*	.951
X ₁₁	β _{11/+}	.185	.078	5.604	1	.018*	1.203
A ₁	β _{12/+}	.162	.239	.460	1	.498	1.176
A ₂	β _{13/+}	.419	.204	4.206	1	.040*	1.520
A ₃	β _{14/+}	.562	.168	11.239	1	.001**	1.755
A ₄	β _{15/+}	.750	.178	17.724	1	.000**	2.117
A ₅	β _{16/+}	-.142	.168	.716	1	.397	.868
Konstan		-8.534	1.736	24.159	1	.000	.000

X₁ (1) = Lelaki

*/** = (P ≤ 0.05) / (p ≤ 0.01)

Ringkasan Model: - 2 LL = 266.862; Cox & Snell R² = 0.396; Nagelkerke R² = 0.549

Hosmer and Lemeshow Test: Chi-square = 11.45; df = 8; Sig. = 0.178

Jadual 2, menunjukkan keputusan daripada analisis regresi logistik. Ujian padanan model dengan menggunakan kaedah Hosmer dan Lemeshow mencatatkan nilai *Chi-Square* sebanyak 11.45 ($\text{sig}=0.18$) dengan 8 darjah kebebasan. Kedudukan ini menunjukkan bahawa model mempunyai kepadanan yang baik dengan data. Hubungan di antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar adalah pada tahap sederhana ke arah kukuh. Ini ditunjukkan oleh catatan *Cox and Snell* $R^2 = 0.4$ dan *Nagelkerke* $R^2 = 0.55$. Jadual klasifikasi pula mempamerkan keputusan bahawa model kepatuhan kajian ini dijangka dapat membuat ramalan pada kadar ketepatan 84%. Selain pemboleh ubah yang difokuskan dalam kertas ini, pemboleh ubah lain turut diuji. Ada di antaranya berkait secara signifikan dengan gelagat kepatuhan. Ini termasuk pemboleh ubah X^5 , X^8 , X^9 , X^{10} , X^{11} , A^2 , A^3 , dan A^4 . Bagaimanapun, pemboleh ubah tersebut tidak dibincangkan dalam kertas ini.

Pemboleh ubah X^5 and X^6 masing-masing mewakili PETUZ dan KUSA. PETUZ didapati berkait secara signifikan dengan gelagat kepatuhan. Satu unit pertambahan pada PETUZ berkait dengan pertambahan log nisbah gelagat kepatuhan sebanyak 0.24. Dalam perkataan lain, pertambahan satu unit PETUZ akan mempengaruhi pertambahan kepatuhan sebanyak 24%. Bagi KUSA pula, ia didapati berkait secara negatif dengan gelagat kepatuhan. Namun perkaitannya tidak signifikan.

PERBINCANGAN

Lazimnya, undang-undang merupakan salah satu instrumen bagi pihak berkuasa melaksana dan mengawal aktiviti sosial, seperti kutipan zakat. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada kedudukan persepsi anggota masyarakat terhadap undang-undang tersebut. Kedudukan persepsi yang positif akan memberi kesan yang positif kepada gelagat kepatuhan (Allingham dan Sandmo, 1972; Friedland *et al.*, 1978; Mason dan Calvin, 1984; Klepper dan Nagin, 1989; Roben *et al.*, 1990). Keputusan yang ditunjukkan di atas dengan jelas menyokong saranan ini, iaitu mereka yang memandangi positif terhadap undang-undang zakat adalah mereka yang membayar zakat. Keadaan ini konsisten dengan teori kognitif yang menegaskan bahawa pengembangan moral dan nilai individu memainkan peranan dalam mempengaruhi gelagat kepatuhan. Adalah dipercayai bahawa manusia selalu menggunakan kedudukan moralnya dalam menentukan kewajaran sesuatu undang-undang. Jika seseorang individu mempunyai moral yang positif maka persepsinya terhadap undang-undang juga akan menjadi positif. Bagaimanapun, bilangan pekerja Islam, dalam kajian ini, yang berpandangan positif adalah tidak ramai. Majoriti pekerja Islam dalam sektor kerajaan persekutuan sendiri tidak yakin dengan undang-undang zakat yang sedia ada. Di antara perkara yang masih dipandang negatif termasuk: undang-undang zakat kurang jelas; undang-undang yang sedia ada tidak mencukupi; undang-undang zakat tidak meliputi keseluruhan jenis zakat; hukuman dan denda dalam undang-undang zakat tidak meliputi kesemua jenis zakat; dan hukuman dan denda dalam undang-undang zakat dianggap terlalu ringan.

Sementara itu, keputusan kajian ini yang menunjukkan perkaitan yang tidak signifikan di antara penguatkuasaan undang-undang zakat dan gelagat kepatuhan perlu ditafsirkan dengan berhati-hati. Ini adalah kerana analisis tersebut terjejas apabila hampir semua responden mengakui bahawa penguatkuasaan zakat tidak dilaksanakan. Justeru itu, keputusan yang diperolehi tidak boleh disandarkan. Aktiviti-aktiviti penguatkuasaan yang dipercayai tidak dilaksanakan termasuk pemeriksaan, pengesanan, pendakwaan, dan denda. Dalam kajian-kajian terdahulu, penguatkuasaan didapati mempunyai perkaitan dengan gelagat kepatuhan (Mason dan Calvin, 1984; Klepper dan Nagin, 1989; Roben *et al.*, 1990). Ini adalah konsisten dengan teori cegahan (*deterrence theory*) yang menegaskan bahawa individu kebiasaannya akan menunjukkan tindak balas apabila kepentingan dirinya terancam. Oleh itu, jika seseorang Islam dipercayai bahawa hukuman atau denda akan dikenakan serta memberi kesan yang menjejaskan, maka aras kepatuhan akan meningkat. Tetapi kajian ini kekurangan keterangan untuk menyokong saranan tersebut.

IMPLIKASI POLISI

Kajian ini dengan jelas menunjukkan bahawa undang-undang memainkan peranan dalam mempengaruhi gelagat kepatuhan. Jika undang-undang dipandang positif maka kepatuhan juga akan menjadi positif. Justeru itu, pihak berkuasa seharusnya memberi perhatian yang serius terhadap undang-undang zakat yang tersedia ada bagi meningkatkan lagi kutipan zakat ke tahap yang sangat memuaskan dan bagi memastikan setiap anggota masyarakat tidak terlepas daripada tanggungjawab zakat. Jika diteliti dengan lebih mendalam undang-undang zakat yang sedia ada adalah bersifat kenegerian serta jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan sistem yang mirip dengannya, iaitu sistem cukai pendapatan. Banyak prosedur kepatuhan tidak dimaktubkan sebagai undang-undang. Hal ini menyebabkan masyarakat mengambil sikap sambil lewa serta memandang ringan untuk mematuhi bayaran zakat. Adalah disarankan, sudah sampai masanya undang-undang zakat diperkasakan dengan pelbagai peruntukan supaya ia bukan sahaja menjadi mantap tetapi juga dipandang mantap lagi kukuh. Pakar-pakar perundangan perlu digemblengkan bagi merangka dan menggumbal suatu undang-undang zakat yang mantap.

Undang-undang yang mantap tidak memadai jika ia tidak disertai dengan penguatkuasaan yang tegas. Walaupun kajian ini tidak dapat memberi keterangan untuk menyokong perkaitan di antara persepsi penguatkuasaan dan gelagat kepatuhan, namun kajian-kajian terdahulu sudah cukup bagi menjelaskan bahawa persepsi penguatkuasaan memainkan peranan yang penting dalam memastikan kepatuhan di kalangan anggota masyarakat. Pendekatan sedia ada, iaitu memujuk dan menerang kepada masyarakat bagi memberi kesedaran untuk membayar zakat, didapati tidak mencukupi untuk meningkatkan aras kepatuhan. Selepas sekian lama pendekatan tersebut digunakan, iaitu sejak 1986, kajian ini mendapati bahawa peratusan pekerja Islam yang membayar zakat gaji masih rendah iaitu hanya 35%. Justeru itu, adalah disarankan supaya pihak berkuasa zakat mengorak langkah dengan membentuk suatu pasukan penguatkuasaan bagi membendung gejala tidak membayar zakat ini. Pendekatan yang tegas perlu diambil bagi menjamin aras kepatuhan zakat yang tinggi dan memuaskan.

KESIMPULAN

Kajian ini telah menunjukkan bahawa persepsi terhadap undang-undang zakat memainkan peranan dalam peningkatan aras kutipan zakat dengan cara mempengaruhi gelagat kepatuhan zakat seseorang. Bagaimanapun, disebabkan hampir kesemua responden memandang negatif terhadap penguatkuasaan zakat, kajian ini tidak dapat memperoleh keterangan yang mencukupi bagi menjelaskan perkaitan di antara persepsi terhadap penguatkuasaan zakat dan gelagat kepatuhan. Kajian-kajian lalu telah banyak menyokong kewujudan perkaitan tersebut.

Kajian ini dapat memberi pengetahuan yang berguna kepada pembuat polisi atau pihak berkuasa zakat. Ia telah menunjukkan bahawa persepsi sebilangan besar masyarakat terhadap undang-undang dan penguatkuasaan adalah terlalu rendah. Justeru itu, kedudukan tersebut mempengaruhi secara positif aras kepatuhan zakat. Suatu strategi yang lebih baik diperlukan bagi mengatasi dan menukar kedudukan persepsi yang negatif kepada positif terhadap undang-undang dan penguatkuasaan zakat.

Kumpulan responden yang menjadi subjek dalam kajian ini ialah kakitangan kerajaan persekutuan di negeri Kedah. Kajian selanjutnya diperlukan bagi meninjau kedudukan persepsi anggota masyarakat di kalangan pekerja swasta. Di samping itu, suatu kajian berbentuk perbandingan juga perlu dilaksanakan bagi mengesan sebarang perbezaan persepsi yang signifikan di kalangan muslimin di antara negeri-negeri di Malaysia. Keputusan kajian yang dicadangkan dijangka dapat meningkatkan lagi kefahaman tentang teori gelagat kepatuhan zakat dan membantu pihak berkuasa zakat dalam usaha untuk mempertingkatkan aras kepatuhan zakat.

RUJUKAN

- Allingham, M. G., & Sandmo, A. (1972). Income tax evasion: A theoretical analysis, *Journal of Public Economics*, 1 (3,4): 323-328.
- Andreoni, J., Errard, B., & Feinstein, J. (1998). Tax compliance, *Journal of Economic Literature*, 36 (2): 818-860.
- Aquinas, T. (1988). *On Law, Morality, and Politics*, Indianapolis: Hackett Publishing Co.
- Churchill, G. A. Jr. (1979). A paradigm for developing better measures of marketing constructs, *Journal of Marketing Research*, 16 (1): 64-73.
- Enakmen Zakat Tahun 1374 (1955), Kedah Darul Aman: Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah.
- Friedland, N., Maital, S., & Rutenberg, A. (1978). A simulation study of income tax evasion, *Journal of Public Economics*, 10 (1): 107-116.
- Fuller, L. L. (1964). *The Morality of Law*, New Haven: Yale University Press.
- Kim, J. O. & Mueller, C. W. (1978). *Factor Analysis: Statistical Methods and Practical Issues*, Beverly Hills: Sage Publication.
- Klepper, S. & Nagin, D. (1989). Tax compliance and perceptions of the risks of detection and criminal prosecution, *Law and Society Review*, 23 (2): 209-40.
- Mason, R. & Calvin, L. D. (1984). Public confidence and admitted tax evasion, *National Tax Journal*, 37 (4): 489-496.
- Menard, S. (1995). *Applied Logistic Regression Analysis*, London: Sage Publication.
- Mohd. Daud Bakar. (1998, Mei). *The Malaysian Zakat System: Law and Policy Reform*. Kertas kerja dibentangkan di “Seminar of Zakat and Taxation” di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur.
- Mohd. Ali Baharum. (1989). Bidang kuasa pungutan zakat: kajian kepada enakmen negeri-negeri di Malaysia. *Dalam Mohd. Ali Baharom, Zakat Ditinjau Dari Perspektif Sosial, Undang-undang dan Taksiran* (hlm. 29-53). Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam.
- Mujaini Tarimin (1995), “*Zakat penggajian: satu penilaian terbaru di Malaysia,*” kertas kerja, ITM Shah Alam.
- Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric Theory* (2nd ed.). New York: McGraw-Hill.
- Roben, H. S. J., Webley, P., Weigel, R. H., Warneryd, K., Kinsey, K. A., Hessing, D. J., Martin, A., Elfers, H., Wahlund, R., Van Langenhove, L., Long, S. B., & Scholz, J. T. (1990). Decision frame and opportunity as determinants of tax cheating, *Journal of Economic Psychology*, 11 (3): 341-364.
- Sekaran, U. (2000). *Research Methods for Business*, New York: John Wiley & Sons.
- Spicer, M. W. & Hero, R.E. (1985). Tax evasion and heuristics, *Journal of Public Economics*, 26: 263-267.
- Webley, P. (1987). Audit probabilities and tax evasion in a business simulation. *Economics Letters*, 25: 267-270.